

**Presiden Yaman Harap Hubungan Lebih Akrab Dijalin Dengan Malaysia  
Bernama  
04 Mei, 2012**

KUALA LUMPUR, 4 Mei (Bernama) -- Presiden Yaman Abd Rabu Mansour Hadi menyuarakan harapan agar hubungan dua hala yang bersejarah dan lama terjalin antara Malaysia dan Yaman akan diperkukuhkan, mengambil maklum bahawa Malaysia adalah negara pilihan utama pelancong serta pelajar Yaman untuk melanjutkan pelajaran.

Beliau turut berharap Malaysia akan berkongsi pengalamannya dan menyediakan bantuan dalam bidang yang mempunyai kaitan dengan kemajuan ekonomi, terutamanya bantuan dan latihan teknikal.

Menurut kedutaan Malaysia di Sana'a, Hadi mengungkapkan hasrat itu dalam pertemuan dengan duta Malaysia ke Yaman Abdullah Faiz Zain pada Rabu, selepas duta berkenaan menyerahkan wataknya kepada presiden.

Abdullah Faiz, 57, adalah duta Malaysia pertama ke Timor Leste, dan beliau sebelum ini ditugaskan di Chile, kata kedutaan itu menerusi kenyataan yang dikeluarkan kepada Bernama di sini.

Duta itu turut bertemu Menteri Hal Ehwal Luar Yaman Abu Bakr Abdullah al-Qirbi, yang senada dengan presiden dengan berharap Malaysia akan membantu Yaman dalam pembinaan semula ekonomi negara itu, sebagai tambahan kepada berkongsi pengalamannya dalam sistem kerajaan persekutuan.

Mengenai kedudukan semasa hubungan dua hala, kedutaan itu menegaskan bahawa kedua-dua negara gembira untuk mengambil maklum bahawa terdapat lebih 6,000 pelajar Yaman yang pada masa ini belajar di Malaysia, dan terdapat lebih 15,000 pelancong Yaman melawat Malaysia setiap tahun.

TNB Repair and Maintenance Sdn Bhd (TNB REMACO), pakar terulung Malaysia dalam pembaikan dan penyenggaraan loji tenaga - yang dibuktikan dengan rekod pencapaian selama lebih 27 tahun - turut diwujudkan di Yaman.

TNB REMACO adalah anak syarikat milik penuh Tenaga Nasional Bhd (TNB).

-- BERNAMA

Hak Cipta Terpelihara © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=663849>